



Tiga lelaki ditahan Maritim Malaysia selepas disyaki melakukan aktiviti menangkap ikan menggunakan bahan peledak di perairan Pulau Mengalum, Kota Kinabalu.

(Foto ihsan Maritim Malaysia)

5 diberkas terbabit kegiatan bom ikan di Pulau Mengalum

BH 8/9/2023 M.R. 24

Kota Kinabalu: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menahan lima lelaki dan merampas dua bot selepas dipercayai melakukan aktiviti menangkap ikan menggunakan bahan peledak dalam dua kejadian berasingan di sekitar perairan Pulau Mengalum, di sini.

Pengarah Maritim Sabah dan Labuan, Laksamana Pertama Maritim Che Engku Suhaimi Che Engku Daik, berkata bot peronda Maritim Malaysia mengesan sebuah bot pam di kedudukan 16 batu nautika Timur Laut Pulau Mengalum, kira-kira jam 1 te-

ngah hari, kelmarin.

"Ketika pemeriksaan, dua lelaki gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri, lesen bot dan lesen perikanan.

"Kedua-dua lelaki itu disyaki melakukan aktiviti mengebom ikan berdasarkan kepada hasil tangkapan serta peralatan yang ditemui," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Che Engku Suhaimi berkata, bot kedua bersama tiga lelaki di-



Che Engku Suhaimi

tahan di kedudukan 18.80 batu nautika Timur Laut Pulau Mengalum.

Katanya, ketiga-tiga mereka turut gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri, lesen bot dan lesen perikanan. Ketiga-tiga lelaki itu juga disyaki melakukan kegiatan bom ikan berdasarkan bukti yang sama.

Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.